

**Orang Ramai Boleh Lihat Senarai Kontrak Kerajaan Selangor Dari 2006-2010 -
Abdul Khalid
Bernama
7 Mac, 2012**

SHAH ALAM, 7 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri Selangor akan membentangkan dokumen senarai pemberian kontrak tanpa tender pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 19 Mac ini, kata Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Katanya orang ramai boleh meneliti dokumen itu dan melihat sendiri jumlah sebenar kontrak yang diluluskan tanpa melalui proses tender sejak pakatan pembangkang memerintah negeri itu pada 2008.

Bagaimanapun sebagai perbandingan, dokumen senarai kontrak tanpa tender itu bermula 2006 hingga 2010, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri, di sini Rabu.

Abdul Khalid berkata demikian ketika mengulas dakwaan pengarang portal Malaysia Today, Raja Petra Kamaruddin bahawa kerajaan negeri itu memberi projek secara rundingan terus dan bukan tender sejak memegang tampuk pemerintahan negeri itu.

Beliau tidak menafikan terdapat situasi di mana kontrak diberikan secara terus apabila berlaku kejadian seperti tanah runtuh di mana kerajaan negeri perlu mendapatkan khidmat perunding untuk tindakan yang segera.

Katanya keputusan seperti itu dibuat dengan persetujuan semua exco negeri dan tidak bercanggah dengan peraturan termasuk dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650644>